

# 113 wanita bersaing untuk pengiktirafan

Metro 12/8/2011 MS 22

**A** NUGERAH Perdana Menteri Usahawan Wanita dan Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita 2011 yang julung kali diadakan tahun ini berjaya menarik seramai 113 calon berwibawa untuk bersaing bagi menerima pengiktirafan berprestij berkenaan.

Anugerah itu yang diilhamkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan diumumkan pada 25 Ogos tahun lalu sempena sambutan Hari Wanita dilancarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai penghargaan terhadap sumbangan besar golongan wanita kepada masyarakat dan negara.

Seramai 50 calon bersaing dalam kategori Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita, manakala selebihnya bertanding untuk mendapatkan pengiktirafan Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita.

Antara kriteria calon berkenaan adalah ia perlu aktif sebagai ejen perubahan kepada masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan golongan wanita di Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Wan Hasmah Wan Mohd berkata, walaupun baru pertama kali diperkenalkan, anugerah itu mendapat sambutan menggalakkan daripada persatuan wanita serta badan bukan kerajaan (NGO) berikutan ia mempunyai prestij tersendiri.

Beliau berkata, anugerah itu secara amnya mencari wanita

## Pemenang Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita dan Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita 2011 bakal diketahui pada 25 September ini



**Pencalonan sudah ditutup pada 17 Ogos lalu dan ketika ini kita berada di peringkat menyenarai pendek calon untuk ditemu duga sebelum menentukan pemenang melalui sesi antara panel penilai. Penilaian diadakan empat peringkat iaitu penapisan, pemarkahan, senarai pendek dan memuktamadkan pemenang”**

**>Wan Hasmah Wan Mohd**  
Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita

meningkatkan dan kemahiran dalam bidang eksport.

Wan Hasmah berkata, bagi usahawan wanita yang menerima pengiktirafan itu, mereka akan diberi bantuan dari segi fasilitasi dan interaksi dengan beberapa badan kerajaan, manakala pemenang yang berkecimpung secara aktif dalam kegiatan

sosial akan dijadikan rakan rapat kementerian untuk menyokong dan bekerjasama dalam program yang dijalankan.

“Penilaian anugerah juga dijalankan badan berkecuali, Deloitte (M) Sdn Bhd iaitu syarikat dilantik KPWKM sebagai perunding dan juru-audit bebas dalam proses pe-

nilaian pencalonan.

“Penilaian diadakan empat peringkat iaitu penapisan, pemarkahan, senarai pendek dan memuktamadkan pemenang dengan panel penilai terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang khusus dengan anugerah itu,” katanya.

Panel penilai bagi kedua-dua anugerah dipengerusikan Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

Barisan panel penilai untuk Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita 2011 adalah Datuk Seri Nadzmi Mohd Salleh, Datuk Dr Nirmala Menon, Datuk Azman Yahya, Yasmin Mahmood dan Rita Sim.

Bagi Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita 2011 pula, panel penilai adalah Toh Puan Datuk Dr Aishah Ong, Datuk Rahmah Abdul Hamid, Puan Sri Siew Yong Gnanalingam, Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim dan Prof Dr Rashila Ramli.

yang mempunyai sifat kepimpinan dan berjaya melahirkan pemimpin lain menerusi perjuangan dan peranan penting dimainkannya dalam memperbaiki status hidup masyarakat sehingga membawa perubahan positif pada kehidupan orang lain.

"Pencalonan sudah ditutup pada 17 Ogos lalu dan ketika ini kita berada di peringkat menyenarai pendek calon untuk ditemuduga sebelum menentukan pemenang melalui sesi antara panel penilai," katanya, baru-baru ini.

Menurutnya, pemenang bagi kedua-dua anugerah itu akan diumumkan pada majlis penganugerahan yang akan diadakan pada 25 September ini dan pemenang bakal menerima pengiktirafan, trofi dan wang tunai.

Lebih bermakna, pemenang juga berpeluang menyertai Program Pembangunan Pengeksport Wanita anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) yang memberi peluang kepada peserta me-


## >Panel penilai Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita 2011



NADZMI



DR NIRMALA



AZMAN



YASMIN



RITA

## >Panel penilai Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita 2011



DR AISHAH



RAHMAH



SIEW YONG



DR NIK SAFIAH



DR RASHILA